

Air cecah tebing sungai

Penduduk bimbang kerja baik pulih hakisan Sungai Kayu Ara belum dibuat

AHMAD NORMAN ABU TALIB

PETALING JAYA – Hakisan tanah di tebing Sungai Kayu Ara di SS21/42A, Damansara Utama semakin membimbangkan apabila air kini naik hampir mencecah permukaan tebing sungai.

Presiden Persatuan Penduduknya, Rajes Patel berkata, hakisan tanah itu menyebabkan pasir masuk ke dalam sungai hingga menjadikan ia semakin cetek.

"Hakisan tanah di tebing sungai ini sudah berlaku sejak 10 tahun lalu tetapi ia semakin buruk sejak tiga hingga empat bulan lalu.

"Enam minggu lalu adalah paling buruk apabila hujan iaitu ketika Kuala Lumpur dilanda banjir kilat," katanya ketika Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin mengadakan tinjauan di kawasan itu.

Menurutnya, sebatang pokok yang tumbang sejak dua tahun lalu akibat hakisan juga masih belum dialihkan menyebabkan sampah tersangkut.

Rajes berkata, penduduk sudah berulang kali membuat laporan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor namun tiada kerja baik pulih tebing dijalankan.

"Kita hantar salinan video kepada JPS mengenai perkara itu dan selepas itu mereka datang meninjau dan mengakui masalah tersebut serius.

"Seminggu sebelum pilihanraya, JPS ada datang dan berjanji akan memulakan kerja baik pulih pada 13 Mei lalu, bagaimanapun, sehingga ke hari ini masih belum dimulakan," katanya.

Menurutnya, penduduk menggesa JPS dapat memulakan kerja

menambak tebing sungai itu secepat mungkin kerana tidak mahu keadaan bertambah buruk.

Dalam perkembangan sama, Bee Yin berkata, kejadian hakisan tanah itu menyebabkan banjir di kawasan lain seperti Kampung Cempaka.

Beliau menggesa JPS melakukan kerja tersebut secepat mungkin bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

"Sekurang-kurangnya JPS perlu mengorek pasir yang semakin tinggi di dalam sungai itu yang kini menyebabkan terbentuk pulau."

"Jangan ambil mudah mengenai perkara seperti ini dan kerja menambak ini perlu dilakukan segera. Saya beri JPS tempoh seminggu untuk bertindak atau saya akan buat sidang media seterusnya," katanya.



Bee Yin (dua, kanan) bersama sebahagian penduduk menunjukkan hakisan tanah di tebing Sungai Kayu Ara yang semakin membimbangkan.